



Metafora Konsepsi MARAH dalam Data Korpus Teks Tradisional Melayu

Rozaimah Rashidin

rozai451@salam.uitm.edu.my

Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, MALAYSIA

Abstrak

Pelbagai aspek linguistik dapat diterokai melalui data korpus bahasa termasuklah unsur metafora konsepsi dalam korpus teks tradisional Melayu. Kertas ini bermatlamat untuk meneliti metafora konsepsi emosi dalam data korpus teks tradisional Melayu. Kajian menggunakan data korpus dari *Malay Concordance Project* (MCP). Enam teks tradisional Melayu digunakan sebagai sumber data iaitu *Hikayat Hang Tuah*, *Sulalat Al-Salatin*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Aceh* dan *Tuhfat Al-Nafis*. Dalam kajian ini, unsur metafora konsepsi dianalisis berbantuan Teori Hibrid. Teori yang mengkacukkan pendekatan linguistik kognitif dan pragmatik ini ditunjangi oleh Model Proses Tiga Serangkai (*Triple Processing*) bagi menghasilkan satu rantau konsepsi yang memerikan konsep leksikal atau makna terhadap kata atau frasa yang bersifat figuratif dan implisit. Selanjutnya, metafora konsepsi emosi Melayu ini telah dibandingkan pula dengan metafora konsepsi emosi yang terdapat dalam beberapa bahasa lain demi mencari kesejagatan dan kepelbagaian metafora. Jelasnya, kajian mendapati bahawa metafora konsepsi emosi marah yang bersifat sejagat ialah MARAH ADALAH CECAIR PANAS DI DALAM BEKAS. Sesungguhnya, faktor seperti persekitaran kognitif dan pengalaman badaniah serta perbezaan pengalaman, budaya dan adat resam telah mewujudkan kepelbagaian metafora konsepsi emosi. Kesimpulannya, kewujudan metafora konsepsi dan metonimi konsepsi emosi ini telah mencerminkan kebijaksanaan dan kekreatifan kognitif orang Melayu dahulu kala.

Kata kunci: metafora konsepsi, metonimi konsepsi, rantau konsepsi, teori Hibrid, kesejagatan dan kepelbagaian metafora

Abstract

Various aspects of linguistics can be explored through the data corpus including the elements of conceptual metaphors in traditional Malay text corpus. This paper aims to examine the conceptual metaphors of emotion in Malay traditional text. The data for the study was selected from the Malay Concordance Project (MCP) corpus database. Six traditional texts were chosen as data namely, Hikayat Hang Tuah, Sulalat Al-Salatin, Hikayat Merong Mahawangsa, Hikayat Raja Pasai, Hikayat Aceh and Tuhfat Al-Nafis. Analysis based on the Hybrid theory and anchored by Triple Processing Model to create the conceptual regions that describe the meaning of word or phrase that is both figurative and implicit. Furthermore, conceptual metaphors on Malay emotions were compared with conceptual metaphors on emotion from other languages in order to determine the universality and variety of metaphors. In this study, the most universal conceptual metaphor of anger is ANGER IS HOT LIQUIDS IN CONTAINERS. Indeed, environmental factors such as cognitive and physical experience and the diversity of experience, culture and traditions had created a variety of conceptual metaphors on emotion. The existence of a conceptual metaphor and metonymy had reflected the wisdom and cognitive creativity of the Malay in the olden times.

Keywords: conceptual metaphors, conceptual metonymy, conceptual regions, Hybrid theory, universality and variety of metaphors

1. Pengenalan

Metafora merupakan satu konsep yang abstrak dan tidak dapat dilihat di alam nyata kerana ia memerlukan penelitian dalam proses pemahaman melalui pemikiran dan pengalaman (Ruzanna dan Rozaimah, 2014). Penggunaan metafora dalam penulisan teks tradisional Melayu telah menimbulkan keindahan bahasa dan memberi nilai estetika yang tinggi dalam sesebuah teks sebagai medium untuk menyalurkan pemikiran, kekreatifan dan kepintaran masyarakat Melayu. Keindahan bahasa dan nilai estetika yang tinggi dalam teks tradisional ini disampaikan dengan penggunaan metafora yang bertemakan emosi. Metafora emosi ini juga boleh dianggap sebagai satu fenomena sosiobudaya yang agak kompleks dan menarik untuk diselidiki. Melalui pengkajian fenomena ini dan berdasarkan pembuktian linguistik, penginterpretasian serta kecekapan minda Melayu menyalurkan kekreatifan melalui penggunaan metafora emosi dalam teks Melayu tradisional dapat diketahui. Malahan juga proses budaya iaitu bagaimana metafora emosi disampaikan serta digunakan dalam kehidupan masyarakat Melayu yang ditonjolkan dalam penulisan teks Melayu tradisional dapat difahami dengan mendalam.

Secara amnya, terdapat pelbagai jenis metafora yang telah ditemui dalam data korpus teks tradisional Melayu seperti simpulan bahasa, peribahasa, perumpamaan malahan ada juga leksikal dan frasa yang disampaikan secara metaforikal. Dengan itu kajian ini akan menggunakan konsep metafora yang dikemukakan oleh Hassan Ahmad (2003) sebagai asas penelitian. Menurut Hassan Ahmad (2003) metafora dalam bahasa Melayu dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu perumpamaan atau perbandingan, analogi, peribahasa, simpulan bahasa, pepatah, bahasa kiasan dan sindiran, bidalan, tamsil, ibarat, metonimi serta personifikasi. Berdasarkan pendefinisian metafora oleh Hassan Ahmad (2003), maka metafora dalam perbincangan kertas ini dikategorikan sebagai metafora konvensional dan metafora linguistik.

Metafora konvensional adalah penggunaan kata-kata yang menyatakan sesuatu makna yang lain daripada makna yang biasa digunakan atau makna literal perkataan berkenaan. Metafora konvensional dalam konteks Melayu dirujuk sebagai perbandingan atau kiasan seperti peribahasa, perumpamaan, simpulan bahasa, analogi dan perbagai lagi. Metafora konvensional ini biasanya telah didokumentasikan secara rasmi melalui kamus yang berwibawa dan diguna pakai secara meluas oleh penutur bahasa tersebut. Metafora konvensional juga dikenali sebagai metafora mati (*dead metaphor*) kerana bentuk dan fungsinya telah tetap dan telah diterima dan digunakan secara meluas oleh pengguna sesuatu bahasa itu (Knowles dan Moon, 2006). Metafora linguistik pula adalah ekspresi linguistik yang melibatkan ujaran, ayat, klausa, frasa atau kata yang bersifat metaforikal. Daripada analisis ke atas metafora konvensional dan metafora linguistik, ia telah berjaya menghasilkan metafora konsepsi. Metafora konsepsi digunakan oleh manusia untuk memahami entiti abstrak melalui sesuatu yang konkrit. Entiti konkrit ini biasanya dijadikan domain sumber untuk memahami entiti abstrak yang dikenali sebagai domain sasaran. Daripada perspektif linguistik kognitif, metafora konsepsi "...is defined as understanding one conceptual domain in terms of another conceptual domain. A convenient shorthand way of capturing this view metaphor is the following: CONCEPTUAL DOMAIN A IS CONCEPTUAL DOMAIN B, which is called conceptual metaphor" (Kövecses, 2010: 4). Domain A merujuk kepada domain sasaran, manakala domain B merujuk kepada domain sumber. Domain sumber melibatkan entiti yang konkrit dan domain sasaran pula melibatkan entiti yang abstrak. Kövecses (2000: 20) turut menyatakan;

...metaphors not only pervades the language people use about the emotions, but also that it is essential to the understanding of most aspect of the conceptualization of emotion and emotional experience,...

Berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh Kövecses, (2000) di atas, metafora bukan sahaja dianggap sebagai satu mekanisme kognitif untuk memahami entiti yang abstrak tetapi ia juga boleh mengkonseptualisasikan emosi dan pengalaman yang berkaitan dengan emosi. Ortony (1975; Ortony, Clore & Collins, 1988) menyatakan bahawa manusia sering menggunakan bahasa metaforikal untuk mengekspresikan perasaan atau emosi yang bersifat subjektif.

Metafora emosi pula adalah sebahagian daripada rangkuman bahasa emosi. Istilah bahasa emosi ini telah dinyatakan oleh Kövecses (2000). Bahasa emosi terbahagi kepada dua bentuk iaitu ekspresif dan deskriptif. Bahasa emosi bentuk ekspresif merujuk kepada bahasa yang digunakan untuk menyatakan emosi seperti kata *bedebah, cis, sial, kurang ajar* yang menyatakan emosi marah atau kata *cun, cantik sangat, mengancam* yang menyatakan atau mengekspresikan emosi suka. Bahasa emosi berbentuk deskriptif pula adalah bahasa atau kata yang digunakan untuk menghuraikan emosi. Contohnya adalah seperti cinta, sedih, gembira dan malu. Bahasa emosi berbentuk deskriptif dihuraikan atau disampaikan secara literal (harfiah) yakni tersurat dan secara figuratif atau tersirat berbentuk kiasan.

Dalam kajian ini, yang ditumpukan adalah bahasa emosi berbentuk figuratif iaitu metafora. Melalui bahasa emosi terhasil dan terkandung juga metafora emosi. Kövecses (2008: 380) menjelaskan bahawa metafora emosi adalah:

...a well established feature of emotion language that it is highly figurative; that is, it is dominated by metaphorical and metonymic expressions. It is also well known that most of these expressions belong to a variety of conceptual metaphors,...

Ringkasnya, metafora emosi merujuk kepada penggunaan metafora yang membayangkan perasaan dan emosi atau ekspresi emosi secara metaforik atau implisit. Emosi yang dikomunikasikan, dizahirkan atau disampaikan dengan menggunakan pelbagai jenis metafora ini adalah kebiasaannya dalam bentuk leksikal, frasa, klausa dan ujaran.

2. Kajian Lepas

Kajian terhadap emosi marah dalam bahasa Melayu yang menggunakan data korpus berkomputer telah dilakukan oleh Norliza dan Samsudin (2005). Mereka mendapati bahawa, pada amnya emosi marah dalam masyarakat Melayu diluahkan dalam beberapa tahap iaitu tahap tinggi, sederhana dan rendah. Setiap tahap kemarahan ini disalurkan melalui ungkapan khusus dan disertakan pula dengan tindakan susulan yang tertentu. Dalam konteks emosi jiwa Melayu, marah pada tahap tinggi boleh ditakrifkan sebagai kemarahan melampau atau tidak dapat dibendung lagi. Namun dalam menghadapi emosi marah, masyarakat Melayu yang dikongkong oleh adat dan agama akan berusaha menurunkan tahap kemarahannya menjadi rendah. Justeru, kemarahan tahap sederhana biasanya hanya melibatkan ungkapan yang tidak menjelaskan kemarahan itu sepenuhnya dan tidak pula timbul sebarang tindakan kasar atau melampaui batas kemanusiaan. Sebagai manusia biasa, perasaan marah pasti wujud dalam diri manusia Melayu. Di sinilah dapat diperjelaskan tentang kemarahan yang amat rendah dengan dimanifestasikan melalui mimik muka dan kadang-kadang disului dengan ungkapan tertentu tetapi tidak melibatkan perilaku yang bengis. Kesemua tahap kemarahan ini telah diperjelaskan menerusi data korpus berkomputer yang bersumberkan daripada pelbagai bahan yang terungkap dalam buku-buku Melayu. Secara langsung data korpus berkomputer ini telah berjaya dan boleh disandarkan keupayaannya dalam penelitian emosi Melayu.

Kövecses (2005) pula telah mengkaji dan menganalisis aspek keuniversalan dan variasi metafora emosi yang melibatkan bahasa Inggeris, Mandarin, Jepun, Hungary, Wolof, Zulu dan Polish. Berdasarkan analisis yang dilakukan, metafora konsepsi yang universal dan wujud dalam bahasa Inggeris, Mandarin, Jepun, Hungary, Wolof, Zulu dan Polish ialah *THE ANGRY PERSON IS A PRESSURIZED CONTAINER* (INDIVIDU YANG MARAH ADALAH BEKAS YANG DITEKAN).

Sabariah dan Imran Ho (2011) turut mengkaji metafora emosi marah dengan membandingkan bahasa Inggeris (BI) dan bahasa Melayu (BM). Berdasarkan analisis, MARAH mempunyai persamaan metafora dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris seperti metafora konsepsi:

ANGER IS AN ENTITY (MARAH ADALAH ENTITI)
ANGER IS A SUBSTANCE IN A CONTAINER (MARAH ADALAH BAHAN DI DALAM BEKAS)
ANGER IS FIRE / HEAT (MARAH ADALAH API / HABA)
ANGER IS A PLANT (MARAH ADALAH TUMBUHAN)
ANGER ARE WORDS (MARAH ADALAH PERKATAAN)
ANGER IS AN EVIL FORCE (MARAH ADALAH DAYA KEJAHATAN)
ANGER IS AN ADDICTION / SICKNESS (MARAH ADALAH KETAGIHAN / PENYAKIT)
ANGER IS A WILD ANIMAL (MARAH ADALAH HAIWAN LIAR)

Jelaslah di sini bahawa para pengkaji lepas telah membincangkan dan memfokuskan emosi marah dalam kajian mereka. Namun begitu, belum terdapat kajian yang meneliti dan mengkaji unsur ekspresi ujaran metafora emosi marah menggunakan data korpus dari teks tradisional dan membandingkan metafora yang terhasil dengan bahasa-bahasa lain di dunia berlandaskan teori Hibrid. Rozaimah dan Nor Hashimah (2013) telah meneliti metafora emosi kasih dalam teks tradisional Melayu. Dengan menggunakan kerangka teori Hibrid dan berdasarkan pembuktian linguistik, metafora emosi kasih dalam karya agung Melayu tersebut jelas memaparkan ikatan atau jalinan kesepakatan dan hubungan sosial antara suami isteri, keluarga, saudara mara, rakan taulan, golongan yang memerintah dan yang diperintah. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga mengaplikasikan teori Hibrid untuk meneliti metafora emosi marah dan membandingkan metafora yang terhasil dengan bahasa-bahasa lain di dunia. Perbandingan ini dilakukan berdasarkan persoalan adakah metafora emosi marah yang hadir dalam teks tradisional bersifat sarwajagat apabila dibandingkan dengan metafora konsepsi emosi yang terdapat dalam beberapa bahasa lain di dunia ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mencungkil dan menganalisis metafora emosi marah dan aspek

kesarwajagatannya dalam data korpus teks Melayu tradisional sebagai suatu wadah untuk mencerminkan dan mengkonsepsikan emosi orang Melayu. Secara harfiah, metafora emosi terbentuk daripada faktor alam pemikiran, kebudayaan, adat resam, pengalaman badaniah dan persekitaran kognitif orang Melayu. Namun, siratan dalam metafora emosi yang terselindung di dalam teks Melayu tradisional wajar dikupas dalam kerangka teori Hibrid. Penyingkapan makna metafora tersirat ini bakal membuka ruang pemikiran yang lebih kritis terhadap makna ungkapan emosi masyarakat Melayu yang terkandung di dalam teks-teks tradisional Melayu ini.

3. Metodologi


Data metafora emosi marah dalam kajian ini diperoleh secara terus daripada pangkalan data korpus *Malay Concordance Project* (<http://mcp.anu.edu.au/>). Data diperoleh dengan mengakses lima emosi tersebut dari enam teks tradisional Melayu yang dipilih iaitu *Hikayat Hang Tuah*, *Tuhfat Al-Nafis*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*. Data yang diperoleh dipaparkan dalam bentuk konkordans. Berikut merupakan taburan ringkas data korpus yang terdapat dalam korpus teks tradisional Melayu tersebut. Sebanyak 74 data metafora emosi marah telah dianalisis dalam kajian ini. (Rujuk Lampiran A)

Data telah dianalisis dengan mengaplikasikan teori Hibrid. Teori Hibrid adalah gabungan di antara dua bidang iaitu linguistik kognitif dan bidang pragmatik melalui teori Relevans merupakan teori terkini yang boleh digunakan untuk mengkaji metafora bagi menghasilkan satu rantau konsepsi yang memerikan konsep leksikal atau makna terhadap kata atau frasa yang bersifat figuratif, implisit atau tersirat. Teori ini telah diperkenalkan oleh Tendahl (2008) melalui kajian yang bertajuk *A Hybrid Theory of Metaphors: Relevance Theory and Cognitive Linguistics*.

Gagasan teori ini adalah berdasarkan satu prinsip iaitu satu proses dalam kognisi seharusnya melibatkan dua proses pemetaan domain dan proses membuat kesimpulan secara pragmatik. Kacukan kedua-dua proses ini akan menghasilkan pemahaman yang lebih mantap berkenaan makna sesuatu kata yang berdasarkan pemahaman kognisi, terutamanya pemahaman makna kata-kata yang bersifat kreatif dan figuratif seperti metafora. Stöver (2010) telah memperkemaskan teori Hibrid dengan memperkenalkan model Proses Tiga Serangkai (*Triple Processing*). Menurut Stöver (2010);

...this model has the advantage that it provides the logical precision of Relevance Theory, catering for psychologically plausible communication processes, while at the same time benefiting from cognitive-linguistic insights concerning a holistic understanding of the world and how things relate to each other, ...

Rajah 2 di bawah memaparkan model Proses Tiga Serangkai.




Rajah 2. Proses Tiga Serangkai
(Disesuaikan serta diterjemahkan daripada Stöver, 2010)

Proses Tiga Serangkai melibatkan tiga proses yang saling melengkapi iaitu proses simulasi, proses metarepresentasi dan proses penakbiran. Proses simulasi melibatkan penginterpretasian makna secara literal atau harfiah. Ujaran yang difahami pada peringkat ini adalah bersifat eksplikatur (tersurat). Proses penakbiran pula

melibatkan ujaran yang bersifat implikatur atau tersirat. Untuk memahami makna frasa atau leksikal yang bersifat metafora, proses simulasi dan proses penakbiran berlaku secara serentak serta melibatkan penerapan konsep *ad-hoc* dalam gagasan teori Relevans dan proses pemetaan dua domain berdasarkan pendekatan linguistik kognitif. Di dalam prose ini jugalah metafora konsepsi dan metonimi konsepsi terhasil. Proses metarepresentasi pula berperanan untuk memberi input dan pengantara maklumat kepada proses penakbiran yang mengandungi pengalaman imagistik pendengar atau pembaca untuk mendapatkan makna yang hendak dikomunikasikan yakni makna yang cuba disampaikan dan difahami. Makna yang dikomunikasikan ini pula akan tersimpan dalam rantau konsepsi seseorang pendengar atau penutur dan akan digunakan secara berulang-ulang kerana ia adalah sebahagian daripada pengalaman, maklumat atau catatan ensiklopedia serta pengalaman badaniah yang telah dialami.

Rajah 3 memaparkan secara ringkas proses penginterpretasian makna metafora emosi. Proses penginterpretasian makna metafora emosi ini bermula apabila pendengar/pembaca cuba memahami dan mentafsir ujaran atau perkataan yang bersifat metafora. Proses penginterpretasian memerlukan pengaplikasian teori Hibrid agar proses ini menjadi mudah dan pemahaman sesuatu makna metafora itu dapat berjalan dengan sistematik dan lancar. Pengaplikasian teori Hibrid melibatkan penerapan konsep *ad hoc* dalam gagasan teori Relevans dan proses pemetaan domain berdasarkan pendekatan linguistik kognitif. Menurut Hanna Stöver (2010), proses penerapan konsep *ad hoc* dan pemetaan domain ini berlaku secara serentak. Proses ini dikenali sebagai Proses Tiga Serangkai yang melibatkan tiga proses yang saling melengkapi dan berlaku serentak iaitu proses simulasi, proses metarepresentasi dan proses penakbiran. Proses Tiga Serangkai akan membawa kepada makna yang dikomunikasikan iaitu makna yang difahami oleh pendengar/pembaca.



Rajah3. Proses penginterpretasian makna metafora emosi

Proses simulasi melibatkan pengaplikasian pendekatan linguistik kognitif iaitu proses pemetaan dua domain yang menghasilkan skema imej, metafora konsepsi dan metonimi konsepsi. Manakala proses penakbiran melibatkan pengaplikasian teori Relevans melalui konsep *ad hoc* peluasan dan penyempitan sebagai satu prosedur pemahaman. Konsep *ad hoc* merupakan komponen pemikiran penutur yang dapat diinterpretasikan oleh pendengar pada satu-satu masa yang sifatnya agak spesifik dan sementara (Carston, 2009). Ia memungkinkan proses penyempitan atau peluasan makna bagi mencapai interpretasi yang terbaik bagi leksikal yang kabur. *Ad hoc* adalah konsep penting dalam teori Hibrid.

Proses metarepresentasi pula mengandungi representasi imaginasi-pengalaman dan berfungsi sebagai pengantara untuk memberi input kepada proses penakbiran. Proses metarepresentasi sangat membantu semasa pembaca/pendengar membuat pemilihan inferens melalui penerapan konsep *ad hoc* penyempitan atau semasa pembaca/pendengar membuat andaian implikatur untuk memilih kesimpulan implikatur melalui penerapan konsep *ad hoc* peluasan semasa menginterpretasi makna metafora. Proses Tiga Serangkai ini akan membantu untuk mendapatkan makna yang hendak dikomunikasikan yakni makna yang difahami. Makna yang dikomunikasikan ini pula akan tersimpan dalam rantau konsepsi seseorang pendengar atau penutur dan akan digunakan secara berulang-

ulang kerana ia adalah sebahagian daripada pengalaman, maklumat atau catatan ensiklopedia serta pengalaman badaniah yang telah dialami.

4. Analisis dan Perbincangan

Seterusnya, pada bahagian ini akan dipaparkan dua contoh analisis dan pengaplikasian teori Hibrid untuk mencungkil aspek metafora emosi dalam korpus teks-teks tradisional Melayu. Ungkapan implisit dan bersifat metafora sememangnya digunakan untuk menyampaikan emosi. Misalnya dalam korpus teks *Hikayat Raja Pasai* dan *Tuhfat Al-Nafis* terdapat penggunaan metafora emosi marah yang disampaikan secara tersirat dan memerlukan penginterpretasian yang tinggi untuk memahaminya seperti dalam contoh data berikut:

- (a) Pasai 54:14...maksudnya, maka kembalilah ia dan jika tiada sampai kehendaknya nescaya diperangnya lah akan negeri kita ini, ya Syah Alam" Demi didengar Sultan kata itu, maka baginda pun marah terlalu amat sangat, mukanya pun taram taruman dan segala romanya pun berdiri serta baginda bersabda kepada mamanda Sayid Ali Ghiatuddin menyuruh menghimpunkan segala menteri...


Penerapan konsep *ad hoc* untuk data (a) melibatkan *ad hoc* peluasan. Konsep peluasan ini lebih tertumpu kepada bentuk metafora, bentuk-bentuk kiasan dan perlambangan atau pun ujaran yang bukan literal. Pendengar akan mengekodkan konsep yang di kod oleh leksikal, dan cuba mencari dan mendapatkan ciri-ciri logik dan ensiklopedik yang tertentu. Pendengar menganggap ujaran ini sebagai panduan secara kasar bagi mencapai hajat yang ingin disampaikan penutur dan pendengar akan membuat pilihan berdasarkan ciri-ciri yang diperoleh iaitu dengan menggugurkan mana-mana input yang tidak relevan dalam konteks tersebut dan menerima input yang relevan sebagai gambaran pendapat penutur.

Data (a) *mukanya pun taram taruman* diinterpretasikan melalui konsep *ad hoc* peluasan. Ungkapan ini merupakan ungkapan metafora yang mempunyai makna yang sukar ditafsirkan sekiranya konteksnya tidak difahami. Melalui *ad hoc* peluasan, andaian dan kesimpulan implikatur boleh dibina untuk memahami metafora. Daripada andaian yang banyak terhasil itu, satu sahaja yang akan dipilih sebagai kesimpulan yang paling relevan. Data (a) boleh menghasilkan interpretasi atau andaian implikatur seperti berikut:

- i) Muka berwarna kebiruan kerana serangan penyakit.
- ii) Muka berwarna kebiruan kerana sesak nafas.
- iii) Muka berwarna kebiruan kerana serangan jantung.
- iv) Muka berwarna kebiruan kerana gangguan emosi dan masalah.
- iv) Muka berwarna kebiruan kerana emosi tidak stabil.
- v) Muka berwarna kebiruan kerana mengawal emosi dan cuba bertenang.*

Data (a) *mukanya pun taram taruman* telah menghasilkan pelbagai andaian implikatur yang perlu disingkap secara implisit. Dalam *Kamus Dewan* (2005), leksikal *taram* bermaksud tidak berapa terang, suram (merujuk kepada bulan, bintang, muka), agak redup dan *tarum* atau *taruman* pula merujuk kepada perkataan arkaik iaitu warna biru tua atau hitam (kebiru-biruan). Dalam konteks ini, frasa *mukanya pun taram taruman* perlu dikaitkan dengan emosi marah, dan data (a) *mukanya pun taram taruman* adalah terhasil daripada perasaan marah yang keterlaluan dan amat sangat. Berdasarkan konteks ungkapan dan persekitaran kognitif serta pengalaman badaniah, muka seseorang akan menjadi kebiruan sekiranya cuba menahan perasaan dan mengawal emosi marah yang terlampau. Ini disebabkan oleh apabila perasaan terlalu marah dan menahan marah itu terjadi, secara semula jadinya jantung akan berdegup dengan kencang, tekanan darah akan meningkat dan pernafasan juga akan menjadi tidak lancar. Hal ini menyebabkan oksigen kurang diterima oleh otak, nafas menjadi tersekat-sekat dan muka turut menjadi kebiruan (pucat dan hampir kehitaman). Berdasarkan penjelasan ini, interpretasi (v) dipilih sebagai kesimpulan implikatur kerana berdasarkan konteks data (a) Sultan Pasai menahan serta mengawal emosi marahnya dan cuba bertenang selepas mendapat berita bahawa Pasai akan diserang oleh pihak musuh.

Proses simulasi bagi data *mukanya pun taram taruman* yang melibatkan proses pemetaan domain objek berwarna kebiru-biruan disasarkan ke domain emosi MARAH. Berdasarkan data (a), proses simulasi bagi frasa *mukanya pun taram taruman* menghasilkan metafora konsepsi MARAH ADALAH WARNA BIRU TUA KEHITAMAN melalui domain WARNA diprojeksikan ke domain EMOSI MARAH. Metafora konsepsi digunakan oleh manusia untuk memahami entiti abstrak melalui sesuatu yang konkrit. Entiti konkrit ini biasanya dijadikan domain sumber untuk memahami entiti abstrak yang dikenali sebagai domain sasaran. Skema imej yang terhasil untuk mengkonsepsikan frasa *mukanya pun taram taruman* adalah skema imej OBJEK seperti dalam Rajah 3 berikut. Francisco Santibanez (2002), mendefinisikan skema imej OBJEK sebagai *..the object image schema is experientially grounded in our everyday interaction with our own body and with other discrete entities in the world*. Dengan kata lain, skema imej OBJEK adalah pengalaman atau entiti yang mempunyai hubungan perkaitan dengan tubuh badan kita dan entiti lain di alam ini. Objek juga merupakan sesuatu yang dapat disentuh atau dilihat misalnya benda atau barang.



Rajah 3. Skema Imej WARNA dan OBJEK* *frasa marah terlalu amat sangat, mukanya pun taram taruman*


Selain itu juga, dalam proses simulasi turut terhasil adalah metonimi konsepsi. Metonimi konsepsi merujuk kepada *“...physiological and expressive responses associated with and emotions”* (Kövecses, 2000: 134). Metonimi konsepsi emosi merupakan ekspresi, tindak balas atau respon secara fizikal yang dilakukan hasil daripada sesuatu emosi. Berdasarkan data (a) *marah terlalu amat sangat, mukanya pun taram taruman dan segala romanya pun berdiri*, maka dua metonimi konsepsi terhasil iaitu KEBIRU-BIRUAN DI MUKA MELAMBANGKAN MARAH dan BULU ROMA MENEGAK MELAMBANGKAN MARAH. Kedua metonimi konsepsi ini merupakan gambaran tindak balas hasil daripada emosi MARAH yang dialami. Metonimi konsepsi melibatkan pemetaan domain sumber yang konkrit ke domain sasaran yang bersifat konkrit juga. Maka domain sumber KEBIRU-BIRUAN DI MUKA dan domain sumber BULU ROMA MENEGAK dipetakan ke domain sasaran iaitu EMOSI MARAH bagi mewujudkan hubungan konsepsi ‘merujuk kepada’ atau ‘melambangkan’.

Perbincangan diteruskan dengan menganalisis data (b). Data (b) melibatkan pembinaan konsep *ad hoc* penyempitan. Bagi konsep ini pula, ia membolehkan masalah ketaksaan ujaran ditangani dengan menyasarkan item leksikal tertentu dan mengukuhkan konsep yang dikod oleh item leksikal tersebut. Hubungan antara bentuk proposisi dengan set andaian konteks akan membolehkan kesan kognitif dicapai dan sesetengah andaian konteks ini akan diperoleh daripada entri ensiklopedik konsep yang disempitkan. Pemaparan proses penerapan konsep *ad hoc* penyempitan dapat memudahkan proses penginterpretasian makna dilakukan. *Ad hoc* penyempitan biasanya diaplikasikan apabila leksikal atau ungkapan yang digunakan kabur atau mempunyai pelbagai inferens dan pembaca/pendengar akan melakukan pemilihan dan pengguguran andaian yang tidak relevan dengan konteks seterusnya menyempitkan makna yang diingini.

- (b) TN 145:2... Dipertuan Terengganu sudah turun ke kenaikan hendak hilir. Maka gemparlah, dan khabar itu pun sampailah kepada Raja di Baruh. Maka Raja di Baruh pun terkejut, serta ***bangkit lah marahnya dan berangnya***. Maka ia pun ***menghunus keris panjangnya***, lalu berlari ke pangkalan sambil katanya, “Tiada balasnya Tun Dalam itu, melainkan tuntung keris ku inilah!”


* Sumber daripada <http://www.clipartlogo.com/free/evil-grinch.html>

Contoh dalam data (b) di atas, leksikal *bangkit* dianggap kabur kerana mempunyai makna rujukan yang pelbagai seperti jaga daripada tidur, berdiri daripada duduk atau tidur, hidup kembali, naik (ke udara), terbit, datang (keadaan, perasaan), kembang, muai (adunan) serta sedar dan bergerak untuk mencapai kemajuan atau sedar dan maju (Kamus Dewan, 2005: 122). Jelaslah di sini bahawa leksikal *bangkit* mempunyai banyak inferens. Namun begitu, dalam konteks data (b) di atas, leksikal *bangkit* merujuk kepada perubahan perasaan dan emosi secara abstrak atau berlaku perubahan perasaan apabila mendapat sesuatu berita yang tidak menyenangkan hati dan mengancam keselamatan diri. Berdasarkan *ad hoc* penyempitan pembaca akan memilih inferens yang paling relevan dalam lingkungan C bagi leksikal **bangkit***. Maka akan terhasil makna yang cuba diinterpretasi iaitu Raja di Baruh berasa terlalu marah apabila mendapat tahu bahawa Tun Dalam iaitu Dipertuan Terengganu telah mudik ke hilir untuk menyerang Raja di Baruh. Maka, makna dalam L digugurkan seperti dalam Rajah 4 berikut.



Rajah 4. Pemetaan konsep *ad hoc* penyempitan bagi leksikal *bangkit*

Frasa *bangkitlah marahnya* menghasilkan metafora konsepsi MARAH ADALAH ENTITI YANG BERGERAK KE ATAS melalui pemetaan domain PERGERAKAN ke atas disasarkan ke domain sasaran iaitu emosi MARAH. Perkataan *bangkitlah* juga telah memprofilkan skema imej TATATINGKAT. Skema imej TATATINGKAT melibatkan konsep perhubungan turun dan naik (Lakoff, 1987). Rajah 5 menunjukkan bahawa semakin tinggi atau ke atas kedudukan TR maka semakin tinggi darjah kemarahan (LM). TR dalam Rajah 5 merujuk kepada individu yang berasa tidak puas hati.




Rajah 5. Skema imej TATATINGKAT 'bangkitlah marahnya'

Dalam data (b), Raja di Baruh berasa terlalu marah apabila mendapat tahu bahawa Tun Dalam iaitu Dipertuan Terengganu telah mudik ke hilir untuk menyerang Raja di Baruh. Melalui data (b) juga, metonimi konsepsi MENGHUNUS KERIS MELAMBANGKAN MARAH turut terhasil. Metonimi konsepsi ini adalah penzahiran tidak balas Raja di Baruh daripada emosi marah yang berpunca apabila mendapat tahu bahawa Tun Dalam iaitu Dipertuan Terengganu telah mudik ke hilir untuk menyerangnya. Tindakan Raja di Baruh yang terlalu marah selepas mendapat tahu berita tersebut dilambangkan melalui perbuatan MENGHUNUS KERIS.

Rantau Konsepsi

Setelah analisis dan pengaplikasian teori Hibrid dilakukan terhadap data metafora emosi marah melalui penerapan konsep *ad hoc* dan pemetaan domain, rantau konsepsi bagi metafora emosi ini dapat dibentuk. Rantau konsepsi ialah satu kawasan abstrak yang terdapat dalam minda atau kognisi manusia. Rantau konsepsi adalah tempat terkumpulnya pemahaman makna kata yang dihubungkan daripada pelbagai elemen seperti domain, skema imej, metafora konsepsi dan metonimi konsepsi. Rantau konsepsi terhasil daripada penerapan konsep *ad hoc* peluasan atau penyempitan serta proses pemetaan dua domain (domain sumber dan domain sasaran). Persoalan seperti, bagaimanakah kita dapat memahami atau menjelaskan apakah proses yang berlaku dalam minda seseorang apabila mereka mencipta makna yang abstrak dan tidak harfiah sifatnya terutamanya metafora, dapat disimpulkan dalam rantau konsepsi ini dan akhirnya pemahaman sesuatu kata/ leksikal atau frasa menjadi semakin jelas dan konkrit serta mudah diinterpretasikan.

Rantau konsepsi mengandungi tiga elemen utama iaitu konsep leksikal, konsep *ad hoc* dan slot kosong. Konsep leksikal merupakan pengetahuan atau maklumat ensiklopedia yang terdiri daripada pengetahuan proposisi dan pengetahuan imagistik atau pengalaman pancaindera. Dengan kata lain, konsep leksikal adalah pemahaman sedia ada pada akal yang dapat membentuk andaian dan struktur imej berkaitan pemahaman makna sesuatu kata. Konsep *ad hoc* pula terdiri daripada *ad hoc* peluasan dan penyempitan yang dibina secara pragmatik oleh pendengar/pembaca semasa proses pemahaman ujaran. *Ad hoc* peluasan digunakan untuk memahami atau menginterpretasi makna bukan literal misalnya bahasa kiasan, bahasa figuratif dan metafora, manakala *ad hoc* penyempitan pula digunakan untuk menyelesaikan masalah ketaksaan ujaran terutamanya leksikal yang mempunyai pelbagai makna dan rujukan seperti polisemi. Slot kosong pula perlu diisi dengan domain, skema imej, metafora konsepsi dan metonimi konsepsi. Rajah 6 berikut adalah rantau konsepsi yang terhasil daripada analisis terhadap metafora emosi marah dalam data korpus enam teks tradisional Melayu.



Rajah 6. Rantai konsepsi metafora emosi marah

Kesarwajagatan dan Kepelbagaian Metafora Emosi Marah

Kesarwajagatan dan kepelbagaian metafora merupakan satu konsep dan istilah dalam linguistik kognitif hasil daripada penelitian dan pengkajian metafora konsepsi. Berdasarkan konsep ini, beberapa metafora konsepsi yang sama boleh ditemui atau akan ditemui dalam pelbagai bahasa. Metafora konsepsi tersebut adalah berdasarkan pengalaman badaniah (*embodied experience*) yang menepati ciri-ciri universal (Kövecses, 2005). Ciri-ciri universal merujuk kepada kehadiran metafora konsepsi yang sama atau sepunya dalam semua bahasa dan budaya di dunia. Daripada perspektif linguistik kognitif juga, manusia berkongsi pelbagai pengalaman yang melibatkan penggunaan anggota badan atau pancaindera yang boleh membina metafora yang bersifat sarwajagat. Fenomena kesarwajagatan ini bercirikan domain sumber tertentu yang boleh hadir dalam budaya dan sub-budaya yang berbeza. Perbezaan metafora konsepsi yang wujud dalam bahas ini menghasilkan variasi metafora yang dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti persekitaran fizikal, perbezaan personaliti penutur, perbezaan cara berfikir, perbezaan kepercayaan agama, dan ideologi budaya yang berbeza. Misalnya, kesarwajagatan dan kepelbagaian ekspresi emosi marah secara metafora dalam bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin telah dilakukan oleh Peilei Chen (2010). Metafora konsepsi emosi marah yang sarwajagat dalam kedua-dua bahasa ini adalah seperti *ANGER IS HEAT* (MARAH ADALAH HABA), *ANGER IS FIRE* (MARAH ADALAH API) dan *ANGER IS HOT FLUID IN A CONTAINER* (MARAH ADALAH CECAIR PANAS DI DALAM BEKAS). Dalam bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin, emosi marah kebiasaannya dibandingkan dengan sesuatu yang panas di dalam sebuah bekas. Namun begitu dalam bahasa Inggeris emosi marah biasanya dikonsepsikan sebagai cecair yang panas (darah). Metafora konsepsi emosi marah dalam bahasa Mandarin yang biasa digunakan adalah *ANGER IS A HOT AIR IN A CONTAINER* (MARAH ADALAH UDARA PANAS DI DALAM BEKAS). Metafora ini berbeza dengan bahasa Inggeris kerana ia dipengaruhi oleh falsafah China klasik iaitu konsep *Yin Yang*. Unsur udara (*qi*) dan api adalah kategori *Yang* dikaitkan dengan konsep panas, manakala unsur air dan beberapa

cecair lagi dikategorikan sebagai *Yin* yang dikaitkan dengan konsep sejuk. Di atas faktor inilah, masyarakat China memilih api dan udara untuk mengkonsepsikan emosi marah berdasarkan budaya mereka.

Perbincangan terhadap aspek kesarwajagatan dan kepelbagaian metafora ini telah mula diterokai oleh Lakoff dan Johnson (1980), dan sehingga ke hari ini masih relevan dibincangkan oleh para sarjana. Metafora digunakan oleh manusia untuk menyusun dan menstrukturkan fikiran dalam bentuk pengalaman badaniah. Maka, lahir premis yang menyatakan bahawa metafora dianggap bersifat sarwajagat atau hampir bersifat sarwajagat kerana pengalaman manusia adalah sebahagian besarnya bersifat sejagat. Ini adalah kerana pembentukan metafora itu sememangnya dipengaruhi oleh pengalaman manusia. Metafora konsepsi emosi marah yang hadir dalam teks tradisional Melayu telah dibandingkan dengan beberapa bahasa lain seperti Inggeris, Indonesia, Mandarin, Arab Tunisia, Parsi, Turki, Sepanyol dan bahasa Akan. Perbandingan ini dilakukan melalui hasil kajian yang telah dilakukan oleh Kövecses & Lakoff (1987), Kövecses (2000, 2005), Yuditha (2010, 2013), Ning Yu (1995), Peilei Chen (2010), Maalej (2004), Shahrzad et al, (2012), Aksan (2006), Suriano (2003), Ruiz (2005), dan Ansah (2010, 2013). Berikut dipaparkan metafora emosi marah yang bersifat sejagat dan hampir bersifat sejagat berdasarkan perbandingan tersebut:

MARAH ADALAH CECAIR PANAS DI DALAM BEKAS
MARAH ADALAH API
KELAKUAN MARAH ADALAH KELAKUAN HAIWAN YANG AGRESIF
MARAH ADALAH HABA

Beberapa contoh linguistik bagi setiap metafora konsepsi ini terdapat dalam Lampiran B.

Kepelbagaian Metafora Marah

Faktor seperti persekitaran kognitif dan pengalaman badaniah serta perbezaan pengalaman, budaya dan adat resam pula telah mewujudkan kepelbagaian metafora konsepsi emosi. Contoh metafora konsepsi yang ditunjukkan di bawah ini merupakan kepelbagaian metafora yang hanya terdapat di dalam bahasa tersebut dan bersifat khusus dan budaya setempat.

Bahasa Melayu

MARAH ADALAH ENTITI YANG BOLEH DATANG DAN PERGI
MARAH ADALAH ENTITI YANG BERKURANG
MARAH ADALAH ENTITI YANG BERTAMBAH
MARAH ADALAH PERGERAKAN KE ATAS
MARAH ADALAH DAYA FIZIKAL
MARAH ADALAH PENCARIAN
MARAH ADALAH PERJALANAN
MARAH ADALAH WARNA MERAH
MARAH ADALAH WARNA BIRU TUA
MARAH ADALAH SEBUAH BEKAS
MARAH ADALAH PEPEJAL DI DALAM BEKAS
MARAH ADALAH PENANTIAN
MARAH ADALAH KESEPAKATAN
MARAH ADALAH KEMABUKAN
MARAH ADALAH KEJAHATAN
MARAH ADALAH KEJADIAN ALAM SEMULA JADI
MARAH ADALAH PERKATAAN / KATA-KATA
MARAH ADALAH KUASA KEJAHATAN

Bahasa Inggeris

MARAH ADALAH HAIWAN YANG DIKURUNG
MARAH ADALAH PENCEROBOHAN
MARAH ADALAH MESIN YANG BERFUNGSI
MARAH ADALAH KEHEBATAN SOSIAL
MARAH ADALAH CECAIR
MARAH ADALAH PEMBALUT / PEMBUNGKUS
MARAH ADALAH NOTA MUZIK
MARAH ADALAH PENYAKIT BERJANGKIT

Bahasa Indonesia

MARAH ADALAH CECAIR
MARAH ADALAH BARANG BERNILAI / BERHARGA
MARAH ADALAH BARANG TIDAK BERNILAI
MARAH ADALAH MANUSIA
MARAH ADALAH NYANYIAN

Bahasa Mandarin

MARAH ADALAH REAKSI PSIKOLOGI
MARAH ADALAH UDARA PANAS DI DALAM BEKAS
MARAH ADALAH GAS PANAS DI DALAM BEKAS
MARAH ADALAH TUBUH BADAN MANUSIA

Bahasa Arab

MARAH ADALAH KESAKITAN FIZIKAL
MARAH ADALAH HILANG UPAYA BERFIKIR
MARAH ADALAH HILANG UPAYA MELIHAT
MARAH ADALAH PENGLIHATAN KELAM
MARAH ADALAH MENINGGALKAN KEHIDUPAN / KEMATIAN

Bahasa Turki

MARAH ADALAH GANGGUAN
MARAH ADALAH HABA BADAN
MARAH ADALAH TEKANAN DALAMAN
MARAH ADALAH GANGGUAN FIKIRAN

Bahasa Sepanyol

MARAH ADALAH GORENGAN
MARAH ADALAH PERENDIDIHAN
MARAH ADALAH LETUSAN / LETUPAN

Bahasa Akan

MARAH ADALAH RUMPUT YANG TUMBUH

5. Kesimpulan

Kajian terhadap metafora yang berlandaskan teori dalam bahasa Melayu masih kurang mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik dan ahli linguistik Melayu. Kajian ini memberikan satu analisis alternatif kepada kajian-kajian sebelumnya yang pernah dilakukan terhadap metafora. Kajian metafora khususnya di Malaysia dapat diperbaiki jika kita dapat mengaplikasikan Teori Hibrid. Selain itu juga kajian ini memberi perspektif baru kepada kajian manuskrip tradisional Melayu kerana ia akan diteliti daripada perspektif linguistik kognitif dan pragmatik. Selama ini kajian manuskrip tersebut lebih dilihat dalam medium kesusasteraan. Adalah diharapkan kajian ini bakal menghasilkan pengetahuan baru yang bersifat saintifik dalam bidang bahasa. Ia sangat bersesuaian dengan istilah sebenar linguistik itu sendiri, iaitu kajian yang dilakukan terhadap bahasa secara saintifik. Penerapan Teori Hibrid dalam menekuni aspek metafora ini boleh dianggap satu inovasi dalam lapangan kajian metafora khususnya dan ilmu linguistik amnya. Selain itu juga, metafora dianggap sebagai satu fenomena sosiobudaya seperti emosi, politik, pemikiran, moral, serta proses budaya yang sangat abstrak dan agak kompleks serta menarik untuk diselidiki (Kövecses, 2008). Memandangkan metafora sebagai fenomena sosiobudaya maka metafora itu dianggap bersifat sarwajagat kerana ia wujud dan hadir dalam setiap budaya dalam sesebuah masyarakat. Kedinamikan metafora juga boleh menghasilkan pelbagai variasi. Walaupun budaya itu bersifat universal atau sejagat tetapi disebabkan faktor seperti persekitaran

kognitif dan pengalaman badaniah serta perbezaan pengalaman hidup dan adat resam maka telah wujud kepelbagaian metafora ini.

Rujukan

- Aksan, Mustafa. (2006). Metaphor of anger: an outline of a cultural model. *Journal of Linguistics and Literature* 3:1, 31-67.
- Ansah, Gladys Nyarko. (2010). The cultural basis of conceptual metaphors: the case of emotions in Akan and English. <http://www.ling.lancs.ac.uk/pgconference/v05/Ansah.pdf>. [Dicapai 16 April 2013]
- Ansah, Gladys Nyarko. (2013). Culture in embodiment: evidence from conceptual metaphor/metonymies of anger in Akan and English, *Compendium of Cognitive Research*, Vol. 2, 63-82.
- Carston, R. (2009). *Thoughts and utterances: The pragmatics of explicit communication*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Hassan Ahmad. (2003). *Metafora Melayu: bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya*. Sg. Ramal Dalam: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Knowles, M & Moon, R. (2006). *Introducing metaphor*. London: Routledge, Taylor & Francis Group.
- Kövecses, Z. (2000). *Metaphor and emotion: language, culture and body in human feeling*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kövecses, Z. (2005). *Metaphor in culture, universality and variation*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kövecses, Z. (2010). *Metaphor and emotion: language, culture and body in human feeling*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lakoff, G & Johnson, M. (1980). *Metaphors we live by*. Chicago: Chicago University Press.
- Lakoff, G. (1987). *Women, fire and dangerous things*. Chicago: Chicago University Press.
- Lakoff, G. & Kövecses, Z. (1987). The cognitive model of anger inherent in American English. In D. Holland & N. Quinn (Eds.), *Cultural Models in Language and Thought*, 195-221. New York: Cambridge University Press
- Maalej, Zouhair. (2004). Figurative language in anger expressions in tunisian Arabic: an extended view of embodiment. *METAPHOR AND SYMBOL*. 19(1), 51-75.
- Ning Yu. (1995). Metaphorical expressions of anger and happiness in English and Chinese. *METAPHOR AND SYMBOLIC ACTIVITY* 10(2), 59-92.
- Norliza Jamaluddin & Samsudin Suhaili. (2005). Emosi marah Melayu: Gambaran dalam data korpus berkomputer. Dlm. Hashim Awang et.al. *Emosi Melayu*, hlm. 377-384. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ortony, A, Clove, G.L & Collins, A. (1988). *The cognitive structure of emotions*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Peilei Chen. (2010). A cognitive study of anger metaphors in English and Chinese idioms. *Asian Social Science*, Vol. 6, No. 8; August 2010.
- Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Metafora KASIH Dalam Teks Melayu Tradisional: Analisis Teori Hibrid. *Jurnal Linguistik* Vol. 17(1) Jun. 2013 (19–28).
- Ruzanna Md Ruslan & Rozaimah Rashidin. (2014). Skema Imej dan Metafora Konsepsi dalam Skrip Teater Wangi Jadi Saksi. *Jurnal Linguistik* Vol. 18(1) Jun. 2014 (010-024)
- Ruiz, J. H. (2005). The role of metaphor and metonymy as tools of lexical creation: the case of Spanish informal speech. *Odissea*, n.6, 97-188.
- Sabariah Abd. Rashid & Imran Ho-Abdullah. (2011). Lexicalisation and conceptual of ANGER in Malay.. Dlm, Faiz Sathi Badullah, Zalina Mohd Kasim & Chan Mei Yuit, *Recent Research Topics in Malaysian English language studies*. Serdang: Universiti Putera Malaysia Press.
- Shahrzad et al., (2012). A comparative study on basic emotion conceptual metaphor in English and Persian literary texts. *International Education Studies*. Vol. 5, No. 1; February 2012.
- Stöver, H. (2010). *Metaphor and relevance theory: a new hybrid model*: PhD Dissertation. University of Bedfordshire.
- Suriano, C. (2003). Some anger metaphor in Spanish and English: a contrastive review. *International Journal of English Studies*, vol. 3(2), 107-122.
- Tendahl, M. (2008). *A hybrid theory of metaphors: relevance theory and cognitive linguistics*. PhD Dissertation. Department of English and American Studies University of Dortmund, Germany.
- Yuditha, Tessa. (2010). *Indonesian metaphorical conceptualizations of anger: does anger taste delicious or disgusting?* Prosiding Seminar KOLITA 8, 47-52. Jakarta. Unika Atma Jaya Press.
- Yuditha, Tessa. (2013). Indonesian metaphorical conceptualizations of ANGER, LOVE and HATE: an overview. http://lingdy.aacore.jp/doc/special-genres/Yuditha_ab.pdf. [Dicapai 12 Mac 2013].

LAMPIRAN A

Data Metafora MARAH
TN 272:8 .. dahulu-dahulu. Setelah Baginda Sultan Mahmud mendengar surat dari negeri Perak maka bertitahlah ia kepada orang tua-tuanya, "Ini perbuatan raja Perak itu sengaja hendak mencari kemarahan abang Berima atasnya. Tentulah berselisihan ia dengan abang Berima, kemudian kita pula hendak dimasukkannya." Maka baginda pun diam. Maka tiada berapa lamanya antara itu...
TN 194:11 pintu kota beberapa saat. Maka murkalah Yang Dipertuan Raja Ismail merahlah mukanya . Setelah Tengku Abdullah melihat muka paduka kakanda baginda itu murka maka Raja Abdullah pun marah akan raja-raja Terengganu itu lalulah memekis-mekis serta menyinsing lengan bajunya seraya katanya, "Hai raja-raja Terengganu! Buka pintu kota ini! Jikalau engkau tiada lekas
MW 91:4 Raja Kamishtur itu ada seorang anaknya, perempuan, yang baik rupa parasnya. Maka beberapa banyak raja-raja hendak memingan, tiada diterima oleh Raja Kamishtur. Maka datanglah marah atasnya itu. Maka tiga orang raja-raja di dalam tiga buah negeri yang besar-besar jua, yang pertama Raja Kishar Alam namanya sebuah negeri, yang kedua Raja Pekerma Dewa
MW 89:8 . hanya tinggal lagi empat biji itu jua. Maka disuruhnya oleh kawannya yang tamak itu akan yang lain memakan roti itu habiskan sekali. Maka tiada mahu oleh kawannya. Maka datanglah marah kawannya yang keempat itu, lalu dipegang tangannya kepada roti itu, lalu makanlah bersama-sama keempat dan yang khianat itu pun makan jua oleh sebab marah malu itu. Maka
TN 124:22 hatinya itu, bernyalalah mangkin lama mangkin besar. Maka apabila api itu sudah besar payahlah padamnya dan payah pula memadamkannya akhir-akhirnya menjadi seterulah api itu dan marah . Maka memakanlah api itu akan akal yang baik. Maka keluarlah buah api itu dan bunga api itu, pada perkataan dan pada kelakuan pada mencari apa-apa yang akan menjadi
Tuah 287:38 Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, apa penglihatan duli syah alam maka titah demikian?" Maka titah baginda, " Kita lihat warna muka Laksamana merah padam laku orang marah ." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, pada firasat patik, pada hari ini pada waktu asar ini syarat patik berperang dan melihat darah, tetapi, Insya Allah Taala, tiada
MW 83:2 oleh penghulu iblis akan saudagar itu dengan rahsia ghaib tiada diketahui oleh orang. Maka saudagar itu pun sekonyong memakilah dengan tutur kata tiada berketahuan. Maka datanglah marah orang dagang itu lalu menghunus keris menikam dada saudagar itu; luka akan matilah. Maka adalah saudagar itu banyak anak cucunya. Maka sekaliannya pun datanglah bertikam
MW 67:30 ... itu pun terlantaslah ke dalam tentera panglima Semang Wila tiga ribu itu. Adapun panglima gergasi keenam itu berperanglah dengan Pekerma Bukit berkisar-kisaran. Maka datanglah marah panglima Jangkani Kala, lalu membuang gadanya melompat menangkap Panglima Pekerma Bukit. Maka ia pun segera menangkap akan Jangkani Kala gergasi dengan berkeras-kerasan
MW 68:4 itu, maka terlalulah sayu belah hatinya, lalu membuang panah yang di tangannya, mengambil pedang pula memarang ke kiri ke kanan seperti orang gila rupanya. Maka datanglah marah raja gergasi Sang Wira Angkara. Maka segeralah ia mengambil senjatanya, ceroboh namanya, dan Phra Sang Dati Kuasa pun mengambil senjatanya yang bernama cekra itu, berlari-
Aceh 190:9 ... kakanda Sabtu. Maka kakanda Sabtu pun tambah-bertambahlah amarahnya sebab dilihatnya orang banyak tertawa akan dia. Maka tatkala dilihat Perkasa `Alam kelakuan kakanda Sabtu amarah sangat itu , maka kata Perkasa `Alam: "Jika demikian kamu berilah aku pergi seorang diriku. Dengan karunia Allah ta`ala akulah membunuh kerbau itu." Maka sembah segala kakanda
MW 84:36 hendak makan nasi itu. Maka sekonyong-konyong ghaiblah kadi itu masuk ke dalam rumahnya. Maka pada fikiran tuan yang empunya harta itu akan kembali hartanya. Maka datanglah marah sekaliannya itu lalu menghunus senjatanya mengamuk masuk ke dalam rumah kadi itu. Maka kadi itu pun matilah, tiada sempat ia hendak makan nasi lagi. Maka akan anak cucunya ...
Tuah 174:36 . Hang Lekir, Hang Lekiu, tuanku. Patik pun hairan melihat dia, seperti orang gila lakunya." Apabila Seri Betara mendengar sembah Barit Ketika itu, maka Seri Betara pun terlalu marah seperti api bernyalanya dan seperti harimau akan menerkam , lalu bertitah pada Raja Melaka, "Hai anakku Ratu Melaka, lihatlah akan perbuatan Laksamana akan ayahanda itu! ..
Tuah 342:27 .. Maka Laksamana pun berbangkit bangun berdiri seraya melela di hadapan Hang Jebat itu tertitar-titar, seraya berkata, "Ceh, Si Jebat! Mati engkau olehku." Maka Hang Jebat pun amarah seperti api bernyalanya . Maka ditendangnya talam itu serta disentakannya keris; keris itu pun tercabutlah. Maka oleh Hang Jebat ditikamnya akan Laksamana; Laksamana pun ..
Tuah 141:32 . engkau. Aku dititahkan Seri Betara kerana engkau sangat pencuri di dalam negeri Majapahit ini." Setelah penjurit itu mendengar kata Tun Tuah demikian itu, maka ia pun terlalu marah, seperti api bernyalanya mukanya , serta dikisarnya tombaknya lalu ditikamnya kepada dada Tun Tuah. Tun Tuah pun segera melompat serta dihunus keris panjangnya lalu
Tuah 224:3 Alkisah maka tersebutlah perkataan Megat Terengganu. Setelah didengar baginda dalam surat yang dibawa oleh Sang Perdana dan Sang Sura itu, maka Megat Panji Alam pun terlalu marah seperti api bernyalanya , serta katanya, "Ceh! Si Tuah itu hendak menunjukkan laki-lakinya kepadaku? Tetapi Si Tuah itu bukan padanku; padanku raja Melaka juga. Adapun
Tuah 230:5 itu. Jikalau tiada patik perbuat seperti cakap patik ini, bukanlah patik anak raja Terengganu." Setelah Laksamana mendengar titah raja demikian itu, maka Laksamana pun terlalu marah seperti singa akan menerkam lakunya . Maka Laksamana pun menyembah serta menyinsing tangan bajunya, lalu memekis, katanya, "Ceh! Megat Panji Alam! Insya Allah Taala,
Tuah 174:26 .. yang patik tunggu itu habislah dibinasakan oleh orang Melayu muda-muda lima orang itu. Patik larang tiada terlarang; patik hendak dibuat pula." Maka Seri Betara pun terlalu marah seperti ular berbelit-belit , serta bertitah, "Hai Barit Ketika, segeralah pergi melihat Melayu itu yang berani duduk pada balai larangan kita." Maka Barit Ketika pun
Pasai 54:14 ... maksudnya, maka kembalilah ia dan jika tiada sampai kehendaknya nescaya diperangnyalah akan negeri kita ini, ya Syah Alam." Demi didengar Sultan kata itu, maka baginda pun amarah terlalu amat sangat, mukanya pun taram taruman dan segala romanya pun berdiri serta baginda bersabda kepada mamanda Sayid Ali Ghiatuddin menyuruh mengimpunkan segala menteri
TN 4:11 "Jikalau sungguhpun dosanya, bunuhlah dengan bersembunyi, janganlah dilahirkan di tengah-tengah negeri jadi tampaklah aib dirinya kerana ia pun sudah dibesarkan." Syahadan marahlah hatinya naiklah api marahnya itu membakar akalunya . Maka lalu ia memberi surat kepada raja Manjapahit, kerana raja Manjapahit pada masa itu berseteru dengan Raja Paduka
MW 64:18 penghulu patik, menteri Kelahum, disuruh oleh Raja Benua Siam serta dengan suratnya bawa pergi ke Kedah menamakan raja Kedah itu." Demi didengar oleh Raja Kelana Hitam, maka naik marahlah ia, mukanya merah seperti bunga raya , serta titahnya, "Main yang mana kamu tewas dan peperangan yang mana kamu sudah alah, tiada patutkah aku menjadi raja di dalam negeri ..

MW 99:24 ... Maka tiada kelihatan, suara sahaja yang didengar, menjadi tiadalah terbasuh mukanya duduk melengung mendengar akan hal perbabilan keduanya. Maka penghulu syaitan pun datanglah marahnya akan Shekh Abdullah, katanya, "Jika sudah banyak pandai tuan hamba, bercerailah kita," sambil dirabutnya tongkat yang di tangan Shekh Abdullah itu dan ditumbuknya sekali ..
TN 145:2 Dipertuan Terengganunya sudah turun ke kenaikan hendak hilir. Maka gemparlah, dan khabar itu pun sampailah kepada Raja di Baruh. Maka Raja di Baruh pun terkejut, serta bangkitlah marahnya dan berangnya . Maka ia pun mengunus keris panjangnya, lalu berlari ke pangkalan sambil katanya, "Tiada balasnya Tun Dalam itu, melainkan tuntung kerisku inilah!" Maka
Tuah 419:32 .. pun segera melompat naik ke atas balairung itu. Maka orang pun hairan melihat pantas Laksamana itu. Setelah pendekar itu melihat telinganya putus itu, makin bertambah-tambah amarahnya dan malunya lalu diusirnya akan Laksamana hendak naik ke balairung itu. Maka Laksamana pun segera terjun di atas balai berhadapan dengan Jepun itu pula. Maka diparang
TN 4:11 bunuhlah dengan bersembunyi, janganlah dilahirkan di tengah-tengah negeri jadi tampaklah aib dirinya kerana ia pun sudah dibesarkan." Syahadan marahlah hatinya naiklah api marahnya itu membakar akalunya. Maka lalu ia memberi surat kepada raja Manjapahit, kerana raja Manjapahit pada masa itu berseru dengan Raja Paduka Iskandar Syah itu. Maka apabila ..
MW 108:1 mengerjakan kota kedua itu, datanglah warta mengatakan ayahnya Raja Phra Ong Mahaputisat sudah hilang dan isterinya Puteri Seluang itu pun duduk di dalam berjajahat. Maka datanglah marahnya lalu berhenti di Kota Palas itu. Hatta, tiada berapa lamanya datanglah Datuk Sangkai empat bersaudara, keduanya Tuan Senik Ipah, ketiganya Tuan Senik Ratu, keempatnya Tuan
MW 7:2 mengerahkan sekalian orangnya suruh beringat-ingat serta memegang senjata masing-masing tangan. Adapun burung geroda itu setelah nyatalah angkatan anak Raja Rum itu, maka datanglah marahnya lalu ia pun terbang datang menyambar, langsung dihalakannya ke sebelah matahari jatuh. Maka Raja Merong Mahawangsa pun menarik busur anak panahnya yang bernama Ayun-ayunan
TN 43:18 . Maka matilah bini Megat Seri Rama itu. Maka apabila sampai khabar itu kepada suaminya Megat Seri Rama itu, maka ia pun menangislah serta hilanglah akalunya seperti terbakar sebab marahnya . Lalulah ia mendapatkan datuk bendahara, maka dipermaklumkannya yang ia hendak membalas kematian isterinya itu, seraya katanya, "Jikalau datuk bendahara hendak menjadi ..
TN 433:6 .. lekas supaya wang itu kita serahkan kepadanya, seperti yang di dalam konterak." Syahadan apabila Sultan Mahmud mendengar jawab residen demikian itu, mangkin bertambah-tambahlah marahnya . Maka banyaklah perkataan tiada baik, maka tiadalah hamba suratkan pada siarah ini memadailah pada orang yang berakal memikirkan perkataan orang yang berselisih antara
MW 98:5 Peringgi Dewa Molek itu tenggelam dimakan peluru meriam, terlalulah ramai berperang antara kedua pihak itu. Seketika Raja Kenderi Mirabab pun serta Raja Pikramirabab datanglah marahnya mengerahkan orang perahu, keluar ia dari dalam suatu anak sungai siap dengan alat senjata, datangnya seperti angin ribut, berkeliling perahu angkatan orang itu dengan
Tuah 204:7 ... Tun Tuah; maka berpuluh-puluh kali ia menyuruh akan patik, patik tiada berani." Demi Tun Teja mendengar kata Tun Tuah demikian itu, maka Tun Teja pun berpalis, seraya dengan amarahnya, merah padam mukanya seperti bunga delima . Maka Tun Teja pun berbangkit berdiri, sambil berkata, "Lihatlah si tua celaka ini! Pada bicaraku, tua jadi penawar, ini tua
MW 82:20 yang banyak-banyak tengah bermain judi itu. Mana yang alah disuruhnya jual gadai segala kain bajunya serta segala harta bendanya suruh lawan juga berjudi itu. Maka datanglah marahnya orang yang alah itu kerana banyak sangat ia telah habis itu, mahulah ia mati daripada hidup rasanya; hendak pulang pun harta anak isteri sudah habis. Maka diaicum pula oleh
Aceh 190:7 . itu?" Maka segala orang banyak pun riuh rendah tertawa gelak-gelak. Syahdan Perkasa `Alam pun tersenyum menengar kata kakanda Sabtu. Maka kakanda Sabtu pun tambah- bertambahlah amarahnya sebab dilihatnya orang banyak tertawa akan dia. Maka tatkala dilihat Perkasa `Alam kelakuan kakanda Sabtu amarah sangat itu, maka kata Perkasa `Alam: "Jika demikian kamu ..
MW 110:12 Maka dicampakkan oleh Datuk Sangkai lalu mengunus keris panjang pula menikamkan pada Raja Buluh Betung, tersisip ke sebelah. Itu pun lagi kuat, Raja Buluh Betung datang marahnya , segera menikamkan tombaknya berturut-turut kena rengkung Datuk Sangkai, sampai ke hulu hati, rebah langsung mati. Tatkala itu menteri Lela Putera pun sampai dengan
Aceh 32:1 kerana pekerjaan itu amat besar lagi pedahnya menjatuhkan kebinasaan ke atas kita sekalian." Demi sultan menengar sembah segala hulubalang demikian itu, maka berbangkit api amarahnya serta ia menitahkan segala hulubalang dan segala ra'yat berlempak akan berangkat ke Aceh Dar as-Salam. Maka ada dizahirkannya kepada segala hulubalang yang kebanyakan ...
MW 98:23 Molek itu habislah rosak menjadi serbuk, diterbangkan oleh peluru dari laut. Maka terkejutlah penghulu angkatan Raja Peringgi melihat perahunya sudah habis binasa. Maka datanglah marahnya , tiadalah disangka akan dirinya selamat lagi. Maka ia pun melompat dengan menteri hulubalang naik ke darat serta mengunus senjatanya mengamuk pula. Maka apabila dilihat ..
TN 358:11 ... jadi pergi Raja Abdullah itu Dahing M.r.a.c.k itulah pergi bersama-sama. Maka di dalam hal itu datang pula kehendak paduka anakda Sultan Abd al-Rahman tidak diikut takut jadi berkecil hati pula, dan lagipun di Bugis itu sungguh pun saudara, akan tetapnya tempatnya berjauh-jauhan lagi pun belum lepas pinang-meminang sekadar kan baharu memberi khabar
TN 219:18 nama yang buruk. Sehingga keluarlah raja indera bungsu itu anak-beranak adik-beradik ipar-beripar, dengan Tun Kecil dan Tengku Lahad mengikut Tengku Fatimah ke Terengganu, sebab kecil hati akan Bugis konon. Katanya, "Saya seorang, dan senang seorang, dan mewah seorang." Di dalam hal itu maka berjalan pula fitnah daripada Yang Dipertuan Terengganu dengan ...
TN 173:13 maka berkatalah Yang Dipertuan Muda itu kepada datuk bendahara, "Adapun saya berjumpa dengan Orang Kaya ini, saya hendak berkhabar dengan sebenarnya, jangan Orang Kaya ambil kecil hati akan saya. Adapun saya dapat khabar iaitu Raja Ismail anak Raja Buang khabarnya hendak melanggar negeri Riau ini. Apa ikhtiar kita?" Setelah datuk bendahara mendengar ...
TN 206:21 .. kita masuk ke dalam Palembang lagi, kerana kita hendak segera berlayar sekadar kan singgah mengambil air dan kayu sehalai di Muntuk ini sebentar, dan janganlah saudara kita itu kecil hati ." Syahadan setelah suruhan itu pun mendengar pesannya Raja Haji itu maka ia pun bermohonlah balik kemuk Palembang. Maka apabila sampailah ia lalu dipersembahkannya
TN 173:8 pada waktu ini sekali-sekali saya tiada menaruh percaya lagi kepada raja tua." Setelah raja tua mendengar titah Yang Dipertuan Muda demikian itu mangkin bertambah-tambah kecil hatinya , lalulah ia bermohon balik. Apabila ia sampai ke rumahnya, maka bersiaplah ia akan perahunya. Maka apabila sudah siap, maka ia pun turunlah ke perahunya membawa
TN 207:18 .. Haji serta dipesankannya kepada orang yang mengantar itu katanya, "Punya sembah sehalai kepada ayah itu, mana-mana sifat dapatnya sajalah di dalam Muntuk ini, janganlah ayah kecil-kecil hati baiklah segera silakan berlayar, kerana orang Palembang ini mensifatkan aku semua dengan ayah itu sama sehalai hingga cemburulah sehalai aku semua dengan ayah itu." ..
TN 452:14 ... orang-orang ramai. Kemudian diambilnya kita punya anak atau kita punya saudara diperbuatnya ganti kita, kerana sama juga dia dengan kita yakah tidak. Dan jangan Sultan Mahmud kecil-kecil hati bukannya kita apa-apa sekadar kan kita memberi pengajaran di

belakangnya, dan yang sudah-sudah tiada berguna, menyesal lagi." Syahadan setelah sudah selesai Sultan
TN 173:22 .. mana-mana senjata yang besar-besar di dalam Riau yang tinggal menunggu Riau ini, saya hendak ambil semuanya hendak ditaruh satu tempat, iaitu di Pulau Bayan. Jangan Orang Kaya kecil-kecil hati , jikalau ada senjata yang ada di tangan sanak saudara Orang Kaya suku-suku sebelah Melayu sekalipun ini waktu saya ambil juga ini hari juga jika dengan jalan jadi .
TN 419:10 kita serta gebermen Belanda." Kemudian berkata pula ia, "Adapun wakil tuan sultan yang bertiga itu seorang sehalah yang saya pakai iaitu Raja Ali. Janganlah Raja Abdullah kecil-kecil hati kerana pekerjaan tuan sultan itu dua perkara yang tiada di dalam aturan kita sekali-sekali. Yang kita pinta satu sehalah, yang dipilih akan jadi Yang Dipertuan
TN 116:8 ... Arung Pala, maka lalu dibawanya balik ke Riau. Maka Arung Pala pun mengiringkan juga ke Riau. Maka tiada pula diperdulikan oleh Yang Dipertuan Muda akan Dahing Masik itu, maka kecillah hati Arung Pala itu. Maka lalu ia balik ke Bugis. Syahadan kemudian daripada itu maka berangkat pula Yang Dipertuan Muda ke Selangor. Maka apabila sampai ke Selangor, maka
TN 274:1 pun setengah-setengah membetulkan juga akan maksud paduka kakanda baginda Yang Dipertuan Selangor itu. Maka jadilah bersalah-salahan faham dan bersalah-salahan maksud. Maka kecillah hati Yang Dipertuan Selangor itu, maka minta dirilah ia hendak segera balik ke Selangor, lalu memanggil Encik Kaluk yang jadi suruh-suruhan mula-mula itu. Maka Encik Kaluk
TN 76:16 tiadalah sahaya sanggup menjadi Yang Dipertuan Muda di tanah barat ini, kerana sahaya sudah berjanji dengan sultan Matan akan memelihara negeri Mempawah, tiadalah saya mau mengecilkan hati mertua sahaya itu." Maka menjawab pula Opu Dahing Cellak, "Adapun sahaya ini selagi ada abang sahaya yang tua ini, iaitu Opu Kelana Jaya Putera, maka tiadalah
TN 241:15 ... ia hendak membantu gubernur Melaka, inilah yang zahimnya. Adapun yang batinnya adalah Tengku Ambung itu sudah diambil oleh Syed Jaafar Selangor diperbuatnya bini, itulah yang disakitkan hati oleh Yang Dipertuan Muhammad Ali itu konon. Inilah yang tersebut di dalam siarah Siak. Syahadan maka pergilah angkatan Belanda itu bersama-sama angkatan Yamtuan
Tuah 28:24 .. Aria Putra, "Apa hendak cucuku kelima telah kuketahui. Adapun cucuku kelima ini akan diperhamba raja dan jadi pegawai besar di Tanah Melayu, tetapi banyak orang besar-besar sakit hati lagi dengki akan cucuku," maka ditunjukkan pada Hang Tuah, katanya "Tidak mengapa kerana cucuku orang benar. Ketiganya cucuku akan digelar raja." Maka Hang Tuah, Hang ...
TN 227:9 Maka dikehendaki oleh Kapitan Gelasi itu, maka diberi oleh Raja Kecil Tun Dalam minta kepada Kapitan Gelasi itu membuat pokok pangkal perkelahian di Kuala Riau itu, supaya sakit hati orang-orang Riau akan kompeni Belanda itu. Maka dipakailah oleh Kapitan Gelasi Jamilah itu, lalulah bunting. Maka tatkala Kapitan Gelasi hendak pergi ke Riau membuat
Aceh 41:17 Acéh Dar as-Salam itu. Maka beberapa daripada hulubalang yang terbunuh. Maka pada ketika itu jua mayat Raja Bungsu itu disuruh pindahkan ke Pulau Sabda. Maka amat sangat sakit hati Paduka Syah `Alam akan sultan Samutera. Apakala terlihat sultan hal bundainya demikian itu, maka mayat Raja Bungsu itu disuruh sultan Sametera buangkan ke laut dan
Tuah 343:26 Laksamana pun menangis kasihannya akan Hang Jebat. Maka kata Hang Jebat, "Aku pun kerana melihat engkau dibunuh oleh Bendahara tiada dengan dosanya; sebab itulah maka sakit hatiku . Akan istimewa aku pula orang permainan tiada akan dibunuhnya, kerana raja itu membunuh tiada dengan periksananya. Pada bicara hatiku, sedang engkau banyak kebaktianmu ..
Tuah 450:5 . sudah raja Inderapura jadikan Bendahara." Bermula Hang Kamar itu tatkala ia di Inderapura, dihukumkan oleh Temenggung dengan sebab perguaman sedikit utang-piutang. Maka ia pun sakit hatilah akan Temenggung Inderapura itu. Maka Temenggung menengar ceritera Hang Kamar itu, maka Temenggung pun segera masuk menghadap raja. Maka tatkala itu baginda pun sedang
MW 90:8 . perempuan kasihkah kepada tuan saudagar itu? Ia sangat jahat kerana hamba berjumpa ia berjahat dengan seorang perempuan muda di kedainya." Maka perempuan saudagar itu pun menaruh sakit hatilah kepada suaminya, katanya, "Ingat-ingat tuan saudagar kerana tuan perempuan hendak membunuh tuan saudagar, kerana ia ada menaruh seorang laki-laki yang muda, ada
Tuah 287:38-seri daripada sediakala." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, apa penglihatan duli syah alam maka titah demikian?" Maka titah baginda, "Kita lihat warna muka Laksamana merah padam laku orang marah ." Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, pada firasat patik, pada hari ini pada waktu asar ini syarat patik berperang dan melihat darah, tetapi, Insya ..
Tuah 449:10 itu kerana ia dalam istana tuanku, kalau beroleh salah ke bawah Duli Yang Dipertuan." Setelah baginda menengar sembah Temenggung demikian itu, maka raja pun terlalu murka, merah padam muka baginda , lalu bertitah pada segala menteri dan pegawai yang dengki itu, "Hai segala kamu sekalian, pergilah buangkan si derhaka itu!" Maka segala pegawai itu pun ..
Tuah 204:7 .. maka berpuluh-puluh kali ia menyuruh akan patik, patik tiada berani." Demi Tun Teja mendengar kata Tun Tuah demikian itu, maka Tun Teja pun berpals, seraya dengan amarahnya, merah padam mukanya seperti bunga delima . Maka Tun Teja pun berbangkit berdiri, sambil berkata, "Lihatlah si tua celaka ini! Pada bicaraku, tua jadi penawar, ini tua menjadi racun!
TN 262:19 iaitu Encik Abdullah anak Iman Lebai Pandak. Setelah Pemberan mendengar surat Yang Dipertuan Terengganu itu, maka ia tertawa serta mengangguk-angguk kepalanya serta dengan merah padam warna mukanya sambil katanya, "Terlebih baik kita percaya kepada Bugis yang melawan kita perang ini, daripada kita percayakan kepada raja Terengganu yang tiada melawan ..
TN 133:13 perbuatan orang besar-besarnya suku-suku Melayu serta menantunya Raja Kecil Terengganu itu, maka baginda pun dukacitalah hatinya memikirkannya, apalagi Raja Abd al-Jalil mangkin panas hatinya . Kemudian renggang dua tiga hari datang pula fitnah, mengatakan Bugis-Bugis hendak jahat, memakai baju rantai, berterendak Bintan, berkeris bercabut, berjalan di
Tuah 174:19 dia. Masakan beta tumangkan!" Setelah sudah, masing-masing bersyair dan bernyanyi dan berpantun pula, terlalu ramai tertawa. Arkian maka orang menunggu pintu taman itu pun panas hatinya melihat kelakuan orang lima itu. Maka ia pun berlari-lari menghadap Seri Betara. Maka sembah penunggu pintu taman itu, "Ya tuanku Paduka Betara, taman larangan Paduka ..
TN 163:2 atau berperang. Syahadan segala khabar-khabar dan perintah datuk bendahara serta suku-suku Melayu itu pun sampailah kepada Yang Dipertuan Muda. Maka Yang Dipertuan Muda pun panaslah hatinya seraya bertitah menyuruh memanggil Raja Haji, dan segala anak raja-raja sebelah Bugis, serta Punggawa Opu Nasti serta Bugis-Bugis sekalian. Maka datanglah mereka ..
TN 400:15 Lukus Lanun, bondanya bernama Raja Maimunah anak Yang Dipertuan Siak Sultan Yahya. Maka diperbaik-baikkannya oleh Baginda Sultan Muhammad anak Raja Lung itu, supaya jangan ia mengambil hati maka baiklah ia. Syahadan tiada berapa lamanya baginda di dalam Kemaman itu, maka baginda pun berlayarlah balik ke Lingga. Apabila sampai ke Pahang lalu mengambil ...
TN 143:17 . isterinya ke Terengganu pindah sekali, serta orang-orang Riau dan peranakan Bugis-Bugis yang tinggal seorang dua di dalam Riau itu, sudah rupa-rupanya hendak dinyahkannya. Maka mengambil hatilah Raja Aminah dan serta Raja Halimah, maka lalulah pindah ke Retih.

<p>Adapun Raja Kecil berperilaku-perilahl ia menurunkan anak isterinya ke perahu, dan Baginda Sultan</p> <p>TN 135:8 . Yang Dipertuan Besar Sultan Sulaiman putera-berputera, maka semangkinlah bertambah-tambah mesranya dengan Bugis-Bugis itu. Maka hal yang demikian itu mangkin bertambah-tambahlah pedihnya hati Tun Dalam itu. Maka memanjanglah juga fitnahnya sehari-hari. Syahadan maka Yang Dipertuan Muda pun berfikir, "Jika duduk dengan begini, akhir-akhirnya berbantah juga .</p>
<p>TN 132:19 demikian itu, maka terbakarlah hatinya fi hasad dan hakid yang tertanam di dalam hatinya memakanlah apinya itu kepada akalunya. Maka terbakarlah akalunya itu jadilah mengikut akan hawa nafsunya, yang tiada hiraukan manfaat dan muzarat fi al-dunya wa al-akhirat intiha. Syahadan adalah fitnah antara Bugis dengan Melayu itu yang aku dapat di dalam siarah yang ..</p>
<p>TN 145:2 sudah turun ke kenaikan hendak hilir. Maka gemparlah, dan khabar itu pun sampailah kepada Raja di Baruh. Maka Raja di Baruh pun terkejut, serta bangkitlah marahnya dan berangnya. Maka ia pun mengunus keris panjangnya, lalu berlari ke pangkalan sambil katanya, "Tiada balasnya Tun Dalam itu, melainkan tuntung kerisku inilah!" Maka gemparlah di</p>
<p>Aceh 31:6 pun banyak mengiringkan dia. Setelah berapa lamanya dalam demikian itu maka kedengaran warta yang demikian itu kepada sultan `Ala ad-Din yang di Samutera. Maka ia terlalu amarah memicara dalam hatinya: "Apa kutaha bicaraku ini?" Setelah itu maka ia memanggil hulubalang Samutera maka ia memeri titah kepada segala hulubalangnya: "Hai segala kamu ..</p>

LAMPIRAN B

MARAH ADALAH CECAIR PANAS DI DALAM BEKAS

Bahasa	Contoh Data Linguistik
Bahasa Melayu	... dada panas, mengelegak, mendidih, dan terbakar pula merupakan kiasan bagi marah...
Bahasa Inggeris	She is boiling with anger. Dia sedang mendidih dengan kemarahan.
Bahasa Indonesia	Amarah di kepala Lusi begitu mendidih.
Bahasa Arab Tunisia	Sekarang kemarahan ku benar-benar meluap. xallaa-l-i damm-i yaRli [He] leave-PERF to me blood my boiling. He left my blood to boil..
Bahasa Parsi	“xunæm râ bedjuš âværd” (lit. s/he made my blood boil).
Bahasa Turki	Öfke kaynıyor heryerde. anger boiling everywhere 'Anger is boiling everywhere/all over the place.'
Bahasa Sepanyol	Martin estaba hirviendo a fuego lento Martin was simmering.
Bahasa Akan	ɔ wɔ a- bo fuw hyew. 3SG has nom chest weedy hot. He/she has a hot, weedy chest.

MARAH ADALAH API

Bahasa	Contoh Data Linguistik
Bahasa Melayu	TN 4:11 Syahadan <i>marahlah hatinya naiklah api marahnya</i> itu membakar akalunya. Maka lalu ia memberi surat kepada raja Manjapahit, kerana raja Manjapahit pada masa itu berseteru dengan Raja Paduka Iskandar Syah itu. Tuah 174:36 Apabila Seri Betara mendengar sembah Barit Ketika itu, maka Seri Betara pun <i>terlalu amarah seperti api bernyala-nyala</i> dan seperti harimau akan menerkam, lalu bertitah pada Raja Melaka, "Hai anakku Ratu Melaka, lihatlah akan perbuatan Laksamana akan ayahanda itu! .. Hatinya yang tidak pernah marah itu tiba-tiba memercikkan keluar bunga api kemarahan.
Bahasa Inggeris	He's doing a slow burn. His anger is smoldering.
Bahasa Indonesia	Si lelaki masih terbakar, bukan sebab berahi, tetapi amarah. Tetapi ia tidak mahu hangus terbakar oleh kemarahannya.
Bahasa Mandarin	Ta da dong <i>gan-hou</i> He greatly move liver-fire He got flamed up in liver.
Bahasa Parsi	“âtiš gereftæm” (lit. I got fire)

KELAKUAN MARAH ADALAH KELAKUAN HAIWAN YANG AGRESIF

Bahasa	Contoh Data Linguistik
Bahasa Melayu	Tuah 230:5 Setelah Laksamana mendengar titah raja demikian itu, maka Laksamana pun <i>terlalu amarah seperti singa akan menerkam lakunya</i> . Maka Laksamana pun menyembah serta menyingsing tangan bajunya, lalu memekis, katanya... MW 65:25 Setelah sudah mengikat perang, maka lalu sama tampil berperang <i>laksana kala terapat, beramuk-amukan dan ekor sama ekor pun bersimbatlah bekarang, membicarakan bisa senjatanya</i> . Maka kedua pihak pun sama menyerbukan dirinya, tiada berundur, sama berkisar sama... Mariana yang marah, kembali <i>menjadi liar</i> ...
Bahasa Inggeris	Don't <i>snarl</i> at me!
Bahasa Arab Tunisia	lqayt-u yahdar ki-j-jmall. [I] find-PERF him [he] growl-IMPERF like the camel. I found him growling like a camel.

MARAH ADALAH HABA

Bahasa	Contoh Data Linguistik
Bahasa Melayu	Bibirnya diketip penuh benci, lalu dalam <i>tingkat suhu kemarahan</i> yang cukup tinggi, dia berkata... “Rina telah kau rampas!” <i>bara marah</i> mengiringi kata-kata Josip.

Bahasa Inggris	<p>“<i>Cooling off your anger</i> is often a first step in dealing with conflict more effectively,...” Bertenang kemarahan anda sering langkah pertama dalam menangani konflik dengan lebih berkesan, ... ”</p>
Bahasa Mandarin	<p>Wo qi de lian-shang huo-lala de I gas COM face-on fire-hot PRT I got so angry that my face was peppery hot.</p>
Bahasa Parsi	<p>“æz ?æsæbâniǰæt dâst miterekid” (lit. he was bursting with anger),</p>